



19 JUL, 2024

Arak, rokok China RM576,134 dirampas

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Arak, rokok China RM576,134 dirampas

KUANTAN – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang berjaya menumpaskan aktiviti pengedaran barangan terlarang selepas merampas rokok dan minuman keras pelbagai jenis bernilai kira-kira RM579,134.

Pengarah JKDM Pahang, Mohd Asri Seman berkata, rampasan terbabit adalah hasil serbuan yang dilakukan di tiga buah premis perniagaan di Kawasan Perindustrian Teluk Kalung Kemaman, Terengganu pada 3 Julai lalu.

“Dalam serbuan itu pihak kastam berjaya merampas 310,512 batang rokok dan 4,932.92 liter arak pelbagai jenis dan jenama berjumlah keseluruhan RM117,594.52 melibatkan jumlah cukai dan duti sebanyak RM461,540.01.

“Susulan serbuan yang dilakukan kita menahan empat pekerja di tiga premis perniagaan terbabit yang mana tiga

daripadanya adalah lelaki dan seorang wanita berusia dalam lingkungan 40-an,” katanya dalam sidang akhbar di Wisma Kastam Jalan Besar, di sini semalam.

Tambah Mohd. Asri, tiga daripada pekerja terbabit merupakan warganegara tempatan, manakala seorang lagi merupakan pemegang kad permastautin tetap (PR) dan pada masa ini pihaknya masih giat mengesan pemilik perniagaan.

Katanya berdasarkan siasatan awal, sindiket berkenaan menggunakan premis perniagaan untuk pengedaran rokok dan minuman keras pelbagai jenis dan jenama.

Jelasnya, barangan yang dipercayai dibawa masuk dari negara China menggunakan lautan laut itu adalah untuk pasaran warganegara China yang bekerja di kawasan perindustrian berkenaan.



MOHD ASRI SEMAN (kanan) menunjukkan sebahagian minuman keras yang dirampas dalam sidang akhbar di Jabatan Kastam Jalan Besar di Kuantan semalam.



19 JUL, 2024

Arak, rokok China RM576,134 dirampas

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUANTAN - J a b a t a n Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang berjaya menumpaskan aktiviti pengedaran barangan terlarang selepas merampas rokok dan minuman keras pelbagai jenis bernilai kira-kira RM579,134. Pengarah JKDM Pahang, Mohd Asri Seman berkata, rampasan terbabit adalah hasil serbuan yang dilakukan di tiga buah premis perniagaan di Kawasan Perindustrian Teluk Kalung Kemaman, Terengganu pada 3 Julai lalu."Dalam serbuan itu pihak kastam berjaya merampas 310,512 batang rokok dan 4,932.